

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (52)



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 9 TAHUN 2024**

**BORANG PERMOHONAN PENANGGUHAN
YURAN PENGAJIAN**

Pejabat Bendahari

16 Mei 2024

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (52)

16 Mei 2024

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 9/2024

BORANG PERMOHONAN PENANGGUHAN YURAN PENGAJIAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan sebagai pemakluman penggunaan Borang Permohonan Penangguhan Yuran Pengajian bagi pelajar Pasca Siswazah dan Pra Siswazah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang memohon penangguhan pembayaran yuran pengajian.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pelajar perlu menjelaskan hutang yuran mengikut tempoh seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) 5.0 Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab E - Pengurusan Akaun Pelajar dan Peraturan Akademik yang berkuatkuasa.

2.2 Walaubagaimanapun pelajar boleh memohon penangguhan pembayaran yuran pengajian tertakluk kepada kuasa melulus seperti dalam Manual Had Kuasa Kewangan berkaitan kuasa menyokong dan meluluskan penangguhan yuran dan caj berkaitan pelajar (selain yuran asrama) seperti jadual berikut:

Jadual 1 - Kuasa Menyokong Dan Meluluskan Permohonan Penangguhan Yuran Pelajar

Pelajar	Sokong 1	Sokong 2	Lulus
Pra Siswazah	Dekan Fakulti	Tiada	Naib Canselor
Pasca Siswazah	Dekan Fakulti	Dekan Pusat Pengajian Siswazah	Naib Canselor

2.3 Sehingga kini permohonan dikemukakan secara bersurat oleh pelajar kepada Fakulti untuk sokongan dan seterusnya Fakulti akan mengemukakan surat kepada Naib Canselor untuk kelulusan.

3.0 PEMAKAIAN

3.1 Bagi meningkatkan kecekapan proses permohonan penangguhan yuran pengajian, pelajar perlu melengkapkan Borang Permohonan Penangguhan Yuran Pengajian dengan menyatakan alasan penangguhan dan cadangan bayaran balik yuran. Pelajar yang mengemukakan permohonan penangguhan yuran perlu memastikan tiada tunggakan yuran pengajian pada semester lepas.

3.2 Borang permohonan yang dilengkapkan oleh pelajar perlu disokong oleh Dekan Fakulti dan kelulusan oleh Naib Canselor. Bagi pelajar Pasca Siswazah, borang perlu juga disokong oleh Dekan Pusat Pengajian Siswazah selain Dekan Fakulti. Dekan yang menyokong permohonan penangguhan yuran pengajian pelajar akan bertanggungjawab bagi memastikan pelajar menjelaskan yuran pelajar.

3.3 Pemakluman status permohonan kelulusan penangguhan kepada pelajar Pra Siswazah adalah di bawah tanggungjawab Dekan Fakulti. Manakala Dekan Pusat Pengajian Siswazah bertanggungjawab

memaklumkan kepada pelajar Pasca Siswazah status permohonan mereka.

- 3.4 Pejabat Bendahari bertanggungjawab memantau status pembayaran dan akan menghantar senarai nama pelajar yang masih berhutang kepada Fakulti untuk membantu pemakluman kepada pelajar agar menjelaskan hutang.
- 3.5 Borang permohonan boleh dimuatnaik dari Lampiran Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) 5.0 Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab E - Pengurusan Akaun Pelajar (<https://pkpu.utem.edu.my/index.php/5-0-bahagian-pengurusan-wang-universiti-pw/bab-e-pengurusan-akaun-pelajar>) atau laman Web Pejabat Bendahari.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 9/2024 ini berkuat kuasa dari tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah



SABARINA BINTI ABDULLAH

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka